

12 Julai 2017

ICI Ref: R9310/17-1/Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd – KKS Selancar 2B grouping - Penilaian Awal

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Awal ke atas Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (Nombor Keahlian RSPO: 1-0225-16-000-00), Unit Pengurusan Ladang – KKS Selancar 2B grouping, Segamat, Johor, Malaysia

Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, KKS Selancar 2B grouping bagi memenuhi keperluan *Rountable on Sustainable Oil Palm*, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C) 2013 dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI 2014) dan RSPO SCCS 2017 bagi Kilang Minyak Sawit.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Awal Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd, Unit Pengurusan Ladang, KKS Selancar grouping pada 14 – 18 Ogos 2017.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd, Unit Pengurusan Ladang, KKS Selancar grouping. Unit bagi pensijilan ini terletak di Segamat, Johor.

Secara ringkas, Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (FGVPM) adalah ahli kepada RSPO pada 27 Disember 2016 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. Felda Global Ventures Plantations Malaysia Sdn Bhd (FGVPM) memiliki dan mengendalikan 70 buah kilang minyak sawit dan 176 estet di seluruh Malaysia.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

PMU: KKS Selancar 2B grouping

Nama	Lokasi	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Selancar 2B POM (Capacity: 54 TM/jam)	Kilang Sawit Selancar 2B, Peti Surat 98, 85007 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	2°38'16.00"N	103° 0'1.00"E
FGVPM Selancar 6 estet	Ladang Felda Selancar 06, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070, Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	2°41'38.00"N	102°56'56.00"E
FGVPM Selancar 8 estet	Ladang Felda Selancar 08, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	2°36'50.00"N	103° 0'18.00"E
FGVPM Selancar 9 estet	Ladang Felda Selancar 09, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	2°37'10.00"N	103° 1'16.00"E

Nama Ladang	Alamat	Tanaman Menghasilkan (Ha)*	Tanaman Belum Menghasilkan (Ha)*	Kawasan*		Penghasilan Tahunan BTS (Ton)**
				Jumlah (Ha)	Ditanam (Ha)	
FGVPM Selancar 6 estet	Ladang Felda Selancar 06, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070, Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	1,224.07	1,064.57	-	2,288.64	32,062.62
FGVPM Selancar 8 estet	Ladang Felda Selancar 08, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	1,320.05	132.02	-	1,452.07	11,225.18
FGVPM Selancar 9 estet	Ladang Felda Selancar 09, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	1,791.86	902.86	-	2,694.50	18,699.15
Jumlah		4,335.98	2,099.45	-	6,435.21	61,986.95

*&** - Anggaran 12 bulan yang lalu (2016 / 2017)

Nama Kilang	Alamat	Penghasilan Tahunan*		Kapasiti Kilang (Ton / Jam)
		CPO (Ton)	PK (Ton)	
KKS Selancar 2B - POM	Kilang Sawit Selancar 2B, Peti Surat 98, 85007 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia	49,643.16	13,126.76	54

*Jun 2016 – May 2017

Intertek Certification International Sdn Bhd adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai:**
 - Dr. Ooi Cheng Lee (Kilang Minyak Sawit, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai:**
 - En. Sazali bin Hasni (Temuduga Pemegang Kepentingan, Alam Sekitar dan HCV / Pemuliharaan)
 - En. Jumat Majid (Temuduga Pemegang Kepentingan, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang Pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemuliharaan Biodiversiti
- Pembangunan Komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

Mr. Augustine Loh
RSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
6-L12-01, Level 12, Tower 2, Menara PGRM,
No. 6 & 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 9283 9881 Fax: 603 9284 8187
Email: augustine.loh@intertek.com

Mr. Norazam bin Abdul Hameed
Head of Plantation Sustainability & Quality
Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd
Plantation Sustainability & Quality
Management Department (PSQM Department),
Menara Felda Platinum Park, Level 20
No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-2859 1995
Fax: 603-2698 7816
Email: norazam.ah@feldaglobal.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,



Augustine Loh
RSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd